

# Graduan perlu lebih kreatif – Seri Paduka

SHAH ALAM 9 Nov. – Para graduan perlu lebih kreatif dan bersedia menghadapi cabaran serta persaingan selepas tamat pengajian, titah Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Titah Seri Paduka, para graduan juga harus terus berusaha menambah ilmu pengetahuan meskipun telah melangkah ke alam pekerjaan.

“Hari ini persaingan sebagai seorang graduan tidak terperi hebatnya dan anda mungkin menerima pelbagai kemudahan

dan tenaga akademik yang terbaik di samping sokongan wang ringgit, tetapi yang akan menentukan kejayaan sebenar ialah diri anda sendiri.

“Penerokaan ilmu tiada nokhtahnya, teruskan perjuangan anda untuk berbakti kepada agama, bangsa dan negara,” titah Seri Paduka pada Istiadat Konvokesyen Ke-65 Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini, hari ini.

Titah ucapan Seri Paduka itu disampaikan oleh Pro-Canselor UiTM, Tan Sri Sulaiman Daud.

Istiadat konvokesyen itu akan berlangsung sehingga 14 November ini dengan 5,863 graduan akan menerima ijazah masing-masing.

Seri Paduka seterusnya melahirkan rasa bangga dengan kejayaan UiTM yang kini diiktiraf sebagai salah satu kemudahan akademik terbaik di mata dunia yang telah dinikmati secara langsung oleh hampir 300,000 graduan sepanjang 50 tahun penubuhannya.

Titah Seri Paduka, UiTM telah membangun dalam pelbagai kepayahan dan

ramai graduan di peringkat awal mengalami pelbagai kesukaran namun apa yang mengagumkan mereka telah memamerkan kesungguhan yang sungguh luar biasa.

“Malah jika kita melihat dalam perspektif yang lebih besar, misalnya, limpahan nikmat yang dirasakan oleh seluruh keluarga graduan, Beta yakin universiti ini telah berjaya mendidik sebegitu ramai insan, yang pada satu ketika, kelihatan tidak berupaya, lemah dan longlai di tanah air sendiri,” titah Seri Paduka.

## PM: Tambah nilai untuk maju

Oleh YULPISMAN ASLI

**SUBANG JAYA 9 Nov.** – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, Malaysia tidak mempunyai pilihan jika hendak maju dan bersaing dengan negara lain selain menambah nilai kepada semua aspek yang ada bagi meningkatkan modal insannya.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan sememangnya berhasrat untuk menjayakan pembangunan modal insan yang merupakan elemen penting bagi menjadikan negara berdaya saing.

“Ini bermakna, untuk tempoh 50 tahun akan datang, kita mahu kepada modal insan ini ditokok tambah nilainya. Ini adalah penting kerana kita mahu bersaing dengan negara-negara lain.

“Jika persaingan itu tidak boleh kita elakkan, maka kita perlu hadapi, perlu bersaing dan perlu menang,” katanya ketika berucap pada majlis makan malam sempena sambutan 50 tahun Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Hotel Sunway Lagoon Resort di sini, malam ini.

Turut berangkat ke majlis tersebut ialah Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Hadir sama, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Dr. Ibrahim Abu Shah.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya rakyat Malaysia mempunyai kemampuan dan kebolehan untuk bersaing dan mencapai kejayaan.

Ini mengambil kira kejayaan graduan UiTM yang kini berkhidmat dalam pelbagai bidang termasuk profesional di sektor swasta dan awam.

Beliau juga berbangga dengan kejayaan



TUANKU Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail menandatangani pelancaran buku *Aspirasi Global UiTM* sambil disaksikan oleh Abdullah Ahmad Badawi di Subang Jaya, malam tadi. Turut kelihatan, Dr. Ibrahim Abu Shah (dua dari kiri) dan Mustapa Mohamed (kanan).

um 10/11/06

— Gambar DJOHAN SHAHRIN SHAH

UiTM bermula daripada sebuah institusi kecil dan kini muncul sebagai antara pusat pengajian tinggi terpenting di negara ini.

Perdana Menteri yang turut menerima ‘kad laporan’ simbolik pencapaian UiTM melahirkan keyakinan bahawa institusi terbabit mampu terus mengecapi kejayaan pada masa hadapan khususnya dalam melahirkan golongan cerdik pandai dan pro-

fesional Melayu.

Dalam pada itu, UiTM menyampaikan anugerah khas ‘Tokoh Pembela Bangsa’ kepada Allahyarham Tun Abdul Razak, bapa Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib, di atas peranannya dalam membangunkan bangsa Melayu.

Anugerah itu telah disampaikan oleh Tuanku Syed Sirajuddin kepada Toh Puan Rahah Mohd. Noah.

Pada majlis itu juga, baginda berkenan melancarkan *Aspirasi Global UiTM* untuk menjadi universiti bertaraf dunia menjelang tahun 2020.

Tuanku Syed Sirajuddin turut menerima sumbangan cek untuk dana Kursi UEM bernilai RM1 juta. Ia sebahagian daripada kutipan sumbangan berjumlah kira-kira RM1.5 juta yang berjaya dikumpul pada majlis makan malam tersebut.

## Hassan Marican, Nelson Mandela dianugerah ijazah kehormat UiTM



SHAH ALAM 9 Nov. – Presiden Petronas, Tan Sri Mohd. Hassan Marican dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Tadbir Urus Korporat, manakala bekas Presiden Afrika Selatan, Nelson Rolihlahla Mandela menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Kerajaan dan Politik daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) sempena konvensyen universiti itu, hari ini.

Mohd. Hassan, 54, menerima anugerah itu atas kejayaannya mengendalikan tadbir urus korporat, sementara Mandela, 88, yang juga merupakan pejuang Anti-Aparteid menerima anugerah itu atas kejayaannya menegakkan hak masyarakat di negaranya.

Mohd. Hassan menerima ijazah kehormat itu daripada Pro-Canselor UiTM, Tan Sri Amar Dr. Sulaiman Daud pada konvokesyen ke-65 universiti itu di Dewan Sri Budiman, di sini, hari ini.

Hassan menerima anugerah tersebut atas sumbangan besar beliau dalam bidang pengurusan korporat syarikat minyak milik negara itu, sehingga berjaya di seluruh dunia.

Sementara Mandela turut menerima anugerah itu bagi menghargai usaha dan kejayaan beliau dalam memperkasakan insaniah dan memantapkan sosio-ekonomi.

Minat Mandela yang berterusan dalam pendidikan dan kemajuan generasi muda menjadi sumber inspirasi kepada UiTM.

Mandela, bagaimanapun tidak hadir untuk menerima anugerah tersebut.

Mandela yang sebelum ini telah menerima 50 Ijazah Kehormat dari universiti di seluruh dunia, menghabiskan 27 tahun hidupnya dalam penjara kerana memperjuangkan kebebasan rakyat kulit hitam di negaranya.

MOHD. Hassan Marican (kiri) dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Tadbir Urus Korporat oleh Dr. Sulaiman Daud pada majlis Konvokesyen UiTM di Shah Alam, semalam.

# Tiga jenis syiling kenangan UiTM

um 10/11/06

KUALA LUMPUR 9 Nov. - Bank Negara Malaysia (BNM) mengeluarkan tiga jenis syiling kenang-kenangan sempena sambutan ulang tahun ke-50 Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Syiling berkenaan, yang boleh didapati daripada The Royal Mint of Malaysia dan Muzium Wang bank berkenaan mulai hari ini, dikeluarkan sebagai pengiktirafan terhadap peranan dan sumbangan penting UiTM dalam melahirkan graduan dalam bidang Sains dan Teknologi Perniagaan, kata kenyataan BNM di sini, hari ini.

Tiga syiling ialah dari jenis emas, perak dan emas nordik *Brilliant Uncirculated*.

Syiling peruf emas diperbuat daripada 999.9 peratus emas tulen seberat 7.96gm. Ia mempunyai nilai muka RM100 serta dijual pada harga RM1,028 sekeping dan hanya dikeluarkan sebanyak 300 keping.

Syiling peruf perak yang mempunyai nilai muka RM10 diperbuat daripada perak dengan kadar ketulenan 92.5 peratus seberat 21gm, berharga RM138 sekeping dan dikeluarkan hanya 500 keping.

Syiling emas nordik, mempunyai nilai muka RM1 dan dijual pada harga RM8 sekeping. Hanya 10,000 keping syiling ini dikeluarkan oleh bank berkenaan.

Syiling kenang-kenangan itu juga dijual secara set yang mengandungi tiga dan dua keping syiling. Set yang mengandungi tiga keping syiling terdiri daripada syiling peruf emas, perak dan emas nordik yang dijual pada harga RM1,268 satu set, manakala set yang mengandungi sekeping syiling peruf perak dan sekeping syiling peruf emas nordik dijual pada harga RM188 satu set.

- Bernama